

BERITA HARIAN

DATE: 7/12/2007

# PM kesal pembangkang menggemis bantuan luar

BH- 7/12/2007

## Pilihan raya adil bukti Malaysia pertahan sistem demokrasi bebas

Oleh Mohd Anwar Patho  
Rohman dan Fazallah Pit

**G**EOGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kesal dengan sikap segelintir pemimpin pembangkang yang sanggup menggemis bantuan asing semata-mata untuk mendapatkan sokongan bagi meneruskan agenda perjuangan mereka.

Perdana Menteri berkata, beliau menganggap tindakan pemimpin pembangkang berbuat demikian ialah kerana mereka beranggapan kononnya hak mereka dinafikan dan tidak diberi kebebasan sepenuhnya dalam perjuangan.

"Saya tengok dalam berita ada (pemimpin pembangkang) yang hendak menggemis bantuan dan pertolongan dari luar kerana menganggap di dalam negara dia tidak dapat menyelesaikan masalah, kononnya kita tidak beri kebebasan.

"Tetapi mereka lupa ada kerajaan negeri di Malaysia yang dikuasai parti pembangkang dan masih ada wakil rakyat yang datang daripada parti pembangkang.

"Oleh sebab mereka tidak dapat kemenangan atau sokongan rakyat, mereka terpaksa menggemis bantuan dari luar negeri daripada pemimpin, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media luar negara dengan bercakap pelbagai perkara yang tidak betul," katanya.

Beliau diminta mengulas tindakan parti pembangkang, termasuk Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sanggup mengkhianati negara dengan menyokong negara asing campur tangan berhubung tuntutan Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf).

Abdullah berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan dan Ekspo Perusahaan



**TINGKAT PERTUMBUHAN:** Abdullah merasmikan Persidangan dan Ekspo PKS Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand sambil diperhatikan Rafidah dan Dr Koh di Pisa, Georgetown, semalam.

Kecil dan Sederhana (PKS) Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (Pisa) di sini, semalam.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mengulas dakwaan Malaysia mengamalkan dasar aparteid dan penghapusan etnik, Abdullah berkata, ia adalah satu tuduhan berniat jahat dan tidak dapat diterima akal.

Katanya, jika kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Umno mengamalkan dasar yang kejam itu, su-

dah tentu Kabinet yang ada ketika ini tidak akan kekal.

"Tolong fikir dalam Kabinet yang separuh daripadanya bukan Melayu, bukan Umno dan bukan Islam, adakah mereka akan terus bersama dengan kerajaan jika dasar aparteid ini dilaksanakan.

"Jika kerajaan mengamalkan dasar pembersihan kaum, adakah separuh Menteri Kabinet yang bukan Melayu, bukan Umno dan bukan Islam sanggup bekerjasama dengan kerajaan yang amalkan semua ini? Sudah tentu tidak... ia (tuduhan itu) tidak masuk akal," katanya.

Namun katanya, beliau bimbang kaum India yang baik dan menyokong kerajaan, terpengaruh dengan

dakwaan itu dan sama-sama menuntut hak daripada Kerajaan British.

"Inilah pembongkaran yang dilihat hanya untuk menimbulkan keadaan tidak baik dan saya amat bimbang dengan keadaan ini kerana ada macam-macam khidmat pesanan ringkas (SMS) yang mendakwa berlaku macam-macam di sana sini.

"Akhirnya negara ini huru-hara menyebabkan keadaan kelam kabut, perdagangan terganggu, orang Cina pun jika Melayu gaduh dengan India, orang Cina akan susah hati. Pelaburan tak datang," katanya.

Oleh itu katanya, semua pihak perlu pelihara negara ini secara sedar dan sentiasa memastikan hubungan berbaik-baik antara kaum.